



"The Entrepreneurial University"

The Official Portal of
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Others | ●●●

Search...

Staff
Staff Email
E-Community

[Home](#)

[Info UMK](#)

[Undergraduate](#)

[Postgraduate](#)

[Faculties/Centres](#)

[Faculty of Entrepreneurship & Business](#)

[Faculty of Creative Technology and Heritage](#)

[Faculty of Veterinary Medicine](#)

[Faculty of Agro-Based Industry](#)

[Faculty of Earth Sciences](#)

[Centre for Modern Languages and Generic Development](#)

[Centre for Graduate Studies](#)

[Campus](#)

Student & Alumni Affairs Office
Student

[Home](#) ▶ [Latest News](#) ▶ [Pusat Islam mercu tanda baru UMK Kampus Jeli](#)

Pusat Islam mercu tanda baru UMK Kampus Jeli



PUSAT Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Jeli, yang bernilai kira-kira RM1 juta, yang boleh menempatkan 1,200 jemaah bakal menjadi satu lagi mercu tanda baru Universiti yang mempunyai rekaan dan seni bina unik, moden dan kontemporari.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed berkata, projek pembinaan pusat Islam itu akan memberi manfaat kepada 1,500 penuntut beragama Islam bagi kemudahan beribadah apabila bakal siap sepenuhnya September tahun depan.

Beliau berkata, pembinaan bangunan yang bernilai RM1 juta ini adalah hasil daripada pegumuman oleh Perdana Menteri, YB. Dato' Seri Najib Tun Razak ketika mengadakan lawatan rasmi ke UMK Kampus Jeli pada 2 Mac lalu.

"Apabila siap kelak, akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelajar dan warga UMK untuk mengerjakan solat kerana sebelum ini penuntut terpaksa ke masjid yang terletak jauh dari kampus untuk menunaikan solat Jumaat setiap minggu dengan menggunakan perkhidmatan bas yang terhad.

"Kita harap siapnya pusat Islam ini, penuntut dan warganya dapat memanfaatkan sebaik mungkin dan mengimarhkannya dengan pelbagai aktiviti kerohanian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Pusat Islam UMK Kampus Jeli dan melancarkan Tabung Kutipan Derma Gaza kampus universiti itu, pada 25 November 2012.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMK, YBhg. Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, YBhg. Prof Madya Abdul Aziz Ab. Latif dan Pengarah UMK Kampus Jeli, YBhg. Prof Dr Ibrahim Che Omar.





Total Visitors :
298996

[Disclaimer](#)

[Privacy Policy](#)

[Security Policy](#)

[Site Map](#)

[Contact Us](#)

[FAQ](#)

[Help](#)

Copyright © 2012 Official Portal University Malaysia Kelantan.
Best View Mozilla/Firefox/IE/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster@umk.edu.my
Last Modified: 29/11/2012, 01:59:12.